**MAJLIS PERBANDARAN KULAI**

| | | |
|---|---|---|
| **RUJUKAN FAIL** | **:** | **MPKu. JKP. 500 - 3/1 Jld.5** |
| **JAWATAN DAN SKIM PERKHIDMATAN** | **:** | **PENOLONG PEGAWAI PENGUAT KUASA** |
| **GRED JAWATAN** | **:** | **KP5** |
| **KUMPULAN PERKHIDMATAN** | **:** | **PELAKSANA** |
| **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** | **:** | **KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM** |
| **JADUAL GAJI** | **:** | **RM 1,650.00 - RM 6,620.00** |

**SYARAT LANTIKAN**

**1.** Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP5 : RM 1,650.00); atau

(ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP5 : RM 1,650.00); atau

(iii) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP5 : RM 1,650.00); atau

(iv) bekas anggota polis atau tentera yang sekurangkurangnya berpangkat Sarjan atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP5 : RM 1,650.00); atau

(v) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP5 : RM 1,893.00); atau

(vi) Diploma dalam bidang Undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP5 : RM 1,974.00); atau

dan (b) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

(i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;

(ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;

(iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;

(iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);

(v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;

(vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan

(vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

**2.** Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1(a)(i), 1(a)(ii), 1(a)(iii), 1(a)(v), 1(a)(vi), 1(b)(i) dan 1(b)(ii) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

**3.** Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pembantu Penguat Kuasa atau Pemeriksa Kereta Motor Gred AB1, Gred AB2 atau Gred AB3 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Penguat Kuasa Gred KP5, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a) atau 1(b); atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) had umur pelantikan:

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN**

**4.** Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

| | | |
|---|---|---|
| **PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN** | **5.** | Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:<br><br>(a) memenuhi tempoh percubaan;<br><br>(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan<br><br>(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan. |
| **TARAF JAWATAN** | **6.** | **TETAP/KONTRAK** |
| **TARIKH TUTUP PERMOHONAN** | **7.** | **24 DISEMBER 2024** |